



YAYASAN JCORP CETUS MINAT INOVASI DALAM KALANGAN PELAJAR

YAYASAN JCorp dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menganjurkan *Nextgen Innovators: Sustainable Solutions for a Greater Future* pada 31 Oktober 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru.

Program ini disertai 20 buah sekolah rendah dan sekolah menengah di serata Negeri Johor. Peringkat akhir telah diadakan pada 16 November 2023 bersempena *Asia Pacific Climate Week 2023*.



SK Telok Ramunia mempersembahkan projeknya bertajuk Microbit Irrigation Solar System (M.I.S.S)



Persembahan dari SMK Tun Fatimah Hashim, Pasir Gudang

OBJEKTIF

- Inspirasikan kreativiti dan inovasi
- Galakkan pelajar untuk meneroka keusahawanan dan inovasi sosial
- Mengembangkan kemahiran kepimpinan dan komunikasi
- Menghubungkan pelajar dengan pakar industri
- Menggalakkan penyelidikan dan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar

IMPAK

- 4,000 views di Facebook Yayasan JCorp.
- Disertai 80 peserta.
- Melibatkan 20 buah sekolah di Johor.
- Lebih 100 orang hadir menyaksikan pertandingan termasuk delegasi antarabangsa APCW.



Sila imbas kod QR ini untuk menyaksikan video pertandingan

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



ISI KANDUNGAN

Komponen	3
-----------------	----------

Program dan aktiviti

▶ Pendidikan	4 - 5
▶ Seni, Budaya & Warisan	6 - 8
▶ Alam Sekitar	9 - 11
▶ Kesejahteraan Komuniti	12 - 13

Aktiviti Kumpulan JCorp	14 - 15
--------------------------------	----------------

Kalendar aktiviti	15 - 19
--------------------------	----------------

01

PENDIDIKAN



**SENI, BUDAYA
DAN WARISAN**

02

03

ALAM SEKITAR



**KESEJAHTERAAN
KOMUNITI**

04

PERKASA PENGUASAAN BAHASA INGGERIS MENERUSI PERTUTURAN BERIRAMA

YAYASAN JCorp dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor menganjurkan pertandingan pertuturan berirama peringkat negeri Johor pada 25 & 26 September 2023 di KOMTAR JBCC, Johor Bahru.



Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang.



Aksi bersemangat daripada peserta yang bertanding.



SEKOLAH RENDAH

JOHAN

SK (P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru

NAIB JOHAN

SK Bukit Hampar, Segamat

TEMPAT KETIGA

SK (FELDA) Air Tawar 1,
Kota Tinggi

KONDUKTOR TERBAIK

SK (P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru

SKRIP TERBAIK

SK Bukit Hampar, Segamat

ANUGERAH PILIHAN

SK (P) Sultan Ibrahim,
Johor Bahru



KEPUTUSAN PERTANDINGAN

PERTUTURAN BERIRAMA PERINGKAT NEGERI JOHOR



SEKOLAH MENENGAH

JOHAN

SMK Sri Kukup, Pontian

NAIB JOHAN

SM Sains Muar, Tangkak

TEMPAT KETIGA

SMK Seri Pulai Perdana, Kulai

KONDUKTOR TERBAIK

SM Sains Muar, Tangkak

SKRIP TERBAIK

SMK Seri Pulai Perdana, Kulai

ANUGERAH PILIHAN

SMK Cannosian Convent Kluang, Johor



SMK Sri Kukup, Pontian merupakan lima sekolah terbaik pada Pertandingan Bicara Berirama dan Choral Speaking Peringkat Kebangsaan 2023 pada 13 Disember 2023.

OBJEKTIF PROGRAM

- Untuk meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dalam Bahasa Inggeris melalui pertandingan.
- Untuk menarik minat pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa kedua.
- Untuk menambahkan gred pelajar dalam Bahasa Inggeris.
- Untuk membina keyakinan pelajar berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris

IMPAK / PENCAPAIAN

- 22 sekolah rendah dan menengah seluruh Johor.
 - Penyertaan seramai 504 pelajar.
- SMK Sri Kukup, Pontian mewakili Johor ke peringkat kebangsaan dan berjaya menduduki tempat kelima.
 - 11 Daerah di Negeri Johor.
- Lebih 1 juta views di Facebook Yayasan JCorp



Sila imbas QR kod ini untuk menyaksikan video pertandingan

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



MEMPERKASAKAN PELAJAR B40: KEJAYAAN PELAKSANAAN PROGRAM SLDN OLEH YAYASAN JCORP

YAYASAN JCorp bersama QSR Stores Sdn Bhd (QSR Stores) menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) bagi Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

Pemerkasaan Program SLDN diperkukuh menerusi pemeteraian nota persefahaman antara Jabatan Pendidikan Negeri Johor; Yayasan JCorp dan QSR Stores pada Majlis Menandatangani Nota Persefahaman (NoU) di Dewan Iskandar, Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, pada 2 Oktober 2023.

OBJEKTIF

- Menyediakan akses kepada pendidikan alternatif terutama kepada golongan B40 untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sekali gus meningkatkan ekonomi keluarga.
- Menyokong hasrat kerajaan dalam memacu pembangunan tenaga mahir tempatan.
- Memperkasa bidang fokus pendidikan Yayasan JCorp terutama dalam membangunkan modal insan secara holistik dan berkemampuan menyumbang kepada pembangunan ekonomi serta negara keseluruhannya pada masa akan datang.

IMPAK

- Pertama di Malaysia (sekolah menengah harian)
- 25 pelajar dari SMK Tun Syed Nasir Ismail dan SMK Majidi Baru 2, Johor Bahru.
- 6 restoran KFC iaitu KFC Larkin Perdana, KFC Seri Gelam DT, KFC Larkin Terminal, KFC City Square, KFC JB Sentral dan KFC Nusa Bestari.
- 6 jurulatih untuk latihan praktikal di cawangan KFC.
- 2 pegawai lapangan HR QSR untuk memantau penampilan dan prestasi jurulatih.
- 2 orang pegawai JPK sebagai penasihat teknikal.
- 2 orang guru sekolah untuk memantau akademik pelajar.
- 2 orang pegawai JPNJ untuk memantau perjalanan program SLDN.



SMK Tun Syed Nasir Ismail menerima sijil penghargaan sekolah rintis program SLDN.



Majlis pelancaran disempurnakan oleh TS. Supian Mahmood, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Kejurulatihan dan Hubungan Industri, Kementerian Pendidikan Malaysia.



Pameran TVET bagi Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) turut diadakan pada majlis menandatangani Nota Persefahaman (NoU) Program SLDN



Sila imbas QR kod ini untuk menyaksikan video Majlis Menandatangani Nou

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



RASAI PENGALAMAN ZAPIN YOK! - SENSASI TERBAHARU DI DI B5 JOHOR STREET MARKET, JOHOR BAHRU



Yayasan JCorp dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Johor dan Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor (Pe-Zapin) menganjurkan program Zapin Yok! @B5 pada Sabtu, 26 Ogos 2023 di B5 Johor Street Market Johor Bahru.

Program ini menampilkan variasi zapin negeri Johor yang berkonsepkan 'Main Zapin' iaitu gabungan sketsa dan teater dalam seni tari zapin.

Pelbagai acara diadakan seperti persembahan variasi zapin lama dan baharu; bengkel tarian zapin; *car boot sale*; dan *foodtruck*.



Bengkel zapin disertai lebih 100 peserta

15 Variasi Zapin

- ▶ Zapin Kores;
- ▶ Zapin Tanjung Labuh;
- ▶ Zapin Lapis Batu Putih;
- ▶ Zapin Dayung;
- ▶ Zapin Lenga;
- ▶ Zapin Seri Bunian;
- ▶ Zapin Putar Lam;
- ▶ Zapin Pulau Aur;
- ▶ Zapin Tenglu.

OBJEKTIF PROGRAM

1. Menyediakan platform untuk pengamal seni dan pelukis mencipta dan menjana pendapatan tambahan.
2. Mempromosi dan menarik pengunjung ke B5 Johor Street Market.

IMPAK / PENCAPAIAN

- Menarik 2,500 pelawat dan pelancong dalam dan luar negara menyaksikan Zapin Yok!
- Memberi manfaat kepada 450 peserta terdiri daripada persatuan seni dan budaya, artis budaya serta pelajar sekolah rendah dan menengah.
- Menjana pendapatan kepada 20 pengusaha artisan berjumlah RM10,000.00.



Sila imbas QR kod ini
untuk menyaksikan
video zapin yok



Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman,
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp
(tiga dari kiri) hadir menyempurnakan
majlis perasmian Zapin Yok!

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



PAMERAN SENI VISUAL BERTARAF ANTARABANGSA TARIK 4,000 PENGUNJUNG KE KOMTAR JBCC



International Art Exhibition – Vision Unveiled : “The Interaction of Arts Through Conventional and Digital Exhibition” adalah anjuran bersama Yayasan JCorp dengan Pusat Seni, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

Ia diadakan pada 4 hingga 15 Oktober 2023 di KOMTAR JBCC, Johor Bahru dengan membawa karya antarabangsa dari negara United Kingdom, Vietnam, Kemboja, Thailand, Australia, Singapura dan Indonesia.

Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman mengadakan lawatan ke pameran.

OBJEKTIF PROGRAM

Sebagai platform kepada artis tempatan untuk mempromosi karya seni mereka seterusnya menjana pendapatan.

Satu daripada elemen yang memberi tarikan kepada pengunjung dan pengumpul seni dari seluruh dunia sekali gus dapat mempromosikan pusat beli-belah KOMTAR JBCC.

Memperluas kerjasama dengan pelbagai agensi dan rakan strategik yang berkaitan.

IMPAK / PENCAPAIAN

4,000 pengunjung tempatan dan antarabangsa.

Membantu 14 artis tempatan menjana pendapatan hasil daripada jualan karya seni.

Sebanyak RM10,000 jualan karya seni berjaya dijana sepanjang pameran berlangsung.

150 karya dipamerkan secara fizikal dan atas talian

Persembahan 'Art of wave sound dance' oleh pelajar seni persembahan UPSI



YB Datuk Haji Yahya Jaafar, Ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru (lima dari kiri) menyempurnakan majlis perasmian.



Forum Bicara Seni : Paradigma Seni Dalam Konteks Pendidikan dan Kerjaya turut diadakan pada pameran seni antarabangsa di KOMTAR JBCC.



Sila imbas QR kod ini untuk menyaksikan video pameran

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



DELEGASI ANTARABANGSA MERIAHKAN LOCAL BITES & FRUIT DELIGHTS FEST@APCW 2023



Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani hadir semasa persembahan barongan.

Yayasan JCorp dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru menganjurkan Local Bites & Fruit Delights Fest@APCW 2023 pada 14 – 17 November 2023 di Plaza Seni Carports, Jln Wong Ah Fook, Johor Bahru.

Aktiviti yang dijayakan

- ▶ Jualan trak makanan tradisional dan tempatan.
- ▶ Jualan buah-buahan tempatan.
- ▶ Persembahan pentas seni dan budaya.
- ▶ Jualan cenderahati.

Program diadakan sempena Asia Pacific Climate Week (APCW) 2023 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru.

IMPAK / PENCAPAIAN

- 19 vendor mengambil bahagian
- Jumlah kutipan jualan trak makanan dan buah-buahan sebanyak RM42,000
- Seramai 50 artis budaya membuat persembahan dalam acara sepanjang empat hari tersebut
- Sumbangan RM60,000 kepada artis budaya untuk persembahan mereka
- 2500 jumlah pengunjung dan pelancong sepanjang empat hari itu



Tarian Singa menarik perhatian pengunjung yang hadir.



Foodtruck 'air kelapa' menjadi pilihan ramai semasa Local Bites & Fruit Delights Fest@APCW 2023.



Pertandingan membuat rojak buah di Local Bites & Fruit Delights Fest@APCW 2023

Sila imbas QR kod ini untuk menyaksikan Local Bites & Fruit Delights Fest @ APCW 2023



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



LEBIH DARIPADA 100 SUKARELAWAN TELAH MENYERTAI PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU.



Program KUDAH 2023 berjaya mengumpulkan lebih 100 sukarelawan termasuk Sukarelawan Sahabat YJC; sukarelawan UTM; dan komuniti setempat.

- Kerjasama Yayasan JCorp dengan Universiti Teknologi Malaysia.
- 3 September 2023.
- Taman Negara Tanjung Piai, Pontian.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman turut serta menanam pokok bakau.



Sebanyak 100kg sampah berjaya dikutip semasa program KUDAH di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian baru-baru ini.

IMPAK / PENCAPAIAN

115 benih pokok bakau disemai

01

100 tanaman pokok bakau ditanam

02

100kg sampah dikutip

03

OBJEKTIF PROGRAM

01
Menjaga kepentingan konservasi pokok bakau

02

Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap ekosistem di persisiran pantai



Sila imbas QR ini untuk menyaksikan aktiviti di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



MEMPERKASAKAN KOMUNITI: 200 PESERTA TERLIBAT DALAM PROGRAM PELESTARIAN SUNGAI DI SUNGAI MELAYU DAN SUNGAI PENDAS SEMASA SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA.



Aktiviti mengutip sampah di sungai Kg Melayu & Kg Pendas oleh sukarelawan

YAYASAN JCorp berkolaborasi bersama Universiti Teknologi Malaysia dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri menganjurkan program bersama komuniti Kampung Sungai Melayu dan Sungai Pendas, Johor Bahru.

Turut diadakan pameran mengenai modul denai sungai, sekolah biodiversiti oleh SK Sungai Melayu, jualan produk Southern Valley dan pemeriksaan kesihatan percuma oleh Hospital Pakar KPJ Johor.

OBJEKTIF

- Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar meliputi hidupan di air dan di darat.
- Mendekati komuniti setempat menerusi aktiviti kelestarian alam sekitar.
- Pelaksanaan 7 modul kelestarian sungai yang dibangunkan oleh UTM dan UTHM.

IMPAK / PENCAPAIAN

01

282 kg sampah dikutip.

02

200 peserta terlibat dalam aktiviti kesedaran dan pembersihan sungai.

03

132 peserta terdiri daripada fasilitator, pelajar, guru, dan komuniti setempat telah menghadiri Program Train of Trainers bagi pelaksanaan tujuh modul kelestarian sungai yang telah diadakan pada 3, 11 dan 25 November 2023.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Pandak Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Iskandar.



Setiap sampah yang dikutip akan ditimbang sebelum dihantar ke tapak pelupusan sampah.



Sila imbas QR kod ini untuk menyaksikan aktiviti

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



LANGKAH BERANI YAYASAN JCORP DALAM PEMULIHARAAN LAUTAN



Sebanyak 50 tumbu karang ditanam sempena program pemuliharaan terumbu karang di Pulau Aur

YAYASANJCorp julung-julung kalinya menganjurkan program pemuliharaan terumbu karang di Pulau Aur, Mersing pada 13 hingga 15 Oktober 2023.

Melibatkan 40 anggota pekerja JCorp dan Syarikat Kumpulan iaitu Kulim (M) Berhad; KPJ Healthcare Berhad; QSR Brands (M) Holdings Bhd; JLand Group Sdn Bhd; Damansara Holdings Berhad; dan Yayasan JCorp.

AKTIVITI LAIN IALAH :

- ▶ Pembersihan kawasan pantai dan kawasan perkuburan;
- ▶ Acara memasak secara rawang bersama penduduk kampung;
- ▶ Sumbangan berupa wang tunai kepada 38 keluarga.



YBhg Datuk Sr Akmal Ahmad, Pengarah Hartanah dan Infrastruktur Divisyen, JCorp beramah mesra dengan penerima sumbangan (duduk)



Sila imbas QR ini untuk menyaksikan aktiviti



Peserta program bersama masyarakat setempat

OBJEKTIF PROGRAM

02

Sokongan kepada usaha Kerajaan Negeri untuk melindungi kawasan terumbu karang di Taman Laut di perairan Johor supaya tidak mengalami kepupusan, selain memberi nilai tambah kepada industri pelancongan di pulau-pulau daerah Mersing

01

Mendidik dan memupuk kesedaran orang ramai berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar termasuk hidupan di laut

03

Merapatkan hubungan ukhwah antara anggota pekerja Kumpulan JCorp dengan masyarakat setempat

IMPAK / PENCAPAIAN

1. 50 terumbu karang ditanam
2. Melibatkan 110 penduduk tempatan
3. Sumbangan tunai sebanyak RM10,500 kepada penduduk kampung, murid sekolah dan juga aktiviti bersama penduduk

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



RM100,000 DISUMBANGKAN KEPADA PERSATUAN CEREBRAL PALSY JOHOR



YAYASAN JCorp menyumbang RM100,000 kepada Persatuan Cerebral Palsy Johor pada Majlis Makan Malam Gala Sambutan Cerebral Palsy Sedunia 2023.

Majlis berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru pada 11 Oktober 2023.

Sejak 2020, Yayasan JCorp telah menyumbang sebanyak RM600,000 kepada Persatuan Cerebral Palsy Johor.

OBJEKTIF PROGRAM

1. Menyediakan akses teknologi terkini bagi membantu kanak-kanak dan pelatih Cerebral Palsy dalam kehidupan seharian.
2. Penambahbaikan kemudahan pemulihan.
3. Menaik taraf sistem pendidikan khas CPJ menerusi *upskilling* dan *reskilling* pendidik dan ahli terapi di Persatuan Cerebral Palsy bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah berkenan bercemar duli ke Majlis Makan Malam Gala Sambutan Cerebral Palsy Sedunia 2023

IMPAK / PENCAPAIAN

1

Melahirkan 8 usahawan dalam kalangan perantis bengkel menerusi projek CPJ Gift Shop.

2

Penganjuran *Early Intervention* program bagi menggalakkan ibu bapa yang mempunyai anak yang terkesan dengan cerebral palsy untuk menerima pendidikan awal dan terapi yang bersesuaian sejak dari peringkat kecil bermula dari lahir hingga 5 tahun.

3

Menaik taraf *Hydrotherapy Pool* bagi kegunaan pelajar cerebral palsy dalam meningkatkan kekuatan otot, koordinasi gerakan dan keseimbangan.

4

Memberi manfaat kepada 100 penerima termasuk pelajar, perantis bengkel, guru dan penyelia.



Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani menyerahkan cek sumbangan kepada Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor

Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor beramah mesra bersama anak-anak Istimewa



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



YAYASAN JCorp SUMBANG RM50,000 KEPADA YAYASAN KANSER TUNKU LAKSAMANA JOHOR



Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman menyerahkan mock cheque kepada YAM Tunku Tun Aminah Binti Sultan Ibrahim

OBJEKTIF PROGRAM

1. Mengumpul dana bagi membantu pejuang kanser yang memerlukan serta memberi sokongan kewangan bagi penganjuran aktiviti YKTLJ.
2. Mempromosikan penjagaan kesihatan kepada orang ramai.

IMPAK / PENCAPAIAN

1. Membantu 85 pesakit kanser.
2. Sebanyak RM830,000 telah disumbangkan kepada YKTLJ sejak 2016.

YAYASAN JCorp terus menyokong aktiviti yang dijayakan oleh Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (YKTLJ) menerusi sumbangan sebanyak RM50,000 sempena Majlis Makan Malam Amal "Lights of Hope" TLJCF pada 24 November 2023 bertempat di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor

YAYASAN JCorp SUMBANG RM50,000 UNTUK PEJUANG KANSER



Sebahagian peserta yang membanjiri Dataran Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi program Pinktober Run JB 2023

Pengurus Besar Yayasan JCorp, Puan Wan Su Ali menyampaikan hadiah utama kepada pemenang cabutan bertuah.

- Yayasan JCorp menyumbang sebanyak RM50,000 sempena Pinktober Run JB 2023 anjuran Co-Action Event Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru.
- Jarak larian adalah sejauh 5KM bermula dari Dataran Majlis Bandaraya Johor Bahru.

OBJEKTIF PROGRAM

- Mempromosikan pendidikan tentang kanser payudara dan menggalakkan pengesanan awal kepada semua lapisan masyarakat.
- Mempromosikan gaya hidup sihat.
- Memupuk sifat kebersamaan komuniti dan perpaduan dalam kawasan tempatan menerusi penglibatan dari pelbagai latar belakang.

IMPAK / PENCAPAIAN

- 1,300 peserta dari pelbagai lapisan umur dan bangsa telah menyertai larian amal ini.
- RM100,000 telah disumbangkan sejak 2022 bagi acara larian amal ini.

AKTIVITI KUMPULAN JCORP

YAYASAN
JCORP

Memperkasa Kualiti Hidup
Improving Quality of Life

LUNCH TALK PINK OCTOBER - PENGESANAN AWAL, GALAKKAN HARAPAN



Para penceramah dan moderator bergambar bersama Encik Mohd Azhar Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital KPJ Wilayah Selatan (RCEO) dan Encik Khairul Hasanain, Ketua Pegawai Eksekutif, Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang.

Lunch Talk Pink October adalah program kerjasama antara Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang, rangkaian KPJ Wilayah Selatan dan Yayasan JCorp. Program berlangsung di Holiday Villa Hotel, Johor Bahru pada 30 Oktober 2023.

Pada program ini Yayasan JCorp telah menaja hadiah bagi pemenang kuiz berupa pemeriksaan *Mammogram* dan *Ultrasound*. Program diserikan dengan persembahan Amira Othman sebagai artis undangan.

OBJEKTIF PROGRAM



Sila imbas
QR ini untuk
menyaksikan
video program

IMPAK/PENCAPAIAN

- ▶ Melibatkan 200 tetamu terdiri daripada pelbagai syarikat dan agensi.
- ▶ Jumlah tontonan seramai 1.2k di Facebook Yayasan JCorp.
- ▶ RM2,500.00 diperuntukkan bagi pemenang kuiz (baucar pemeriksaan *mammogram* dan *ultrasound*).

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS





KEM KESIHATAN 2023: MERAPATKAN JURANG PERKHIDMATAN KESIHATAN DI BANDAR DAN LUAR BANDAR

Kem Kesihatan 2023 ini adalah anjuran Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang dengan kerjasama Klinik Waqaf An-Nur Pasir Gudang. Program diadakan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Majlis berlangsung di Kampung Sedili Kecil, Kota Tinggi, Johor pada 19 Ogos 2023.

Diadakan konsultasi secara percuma daripada Doktor Pakar yang terlibat iaitu Dr Shamsuddin Abdul Aziz (Doktor Pakar Tulang), Dr Nik Azrita Dato' Ariffin (Doktor Pakar Puan) dan Dr Mohd Faiz Idris (Doktor Pakar Bedah).

Ubat-ubatan turut diberikan secara percuma kepada penduduk kampung yang telah menerima rawatan. Klinik Waqaf An-Nur Pasir Gudang turut menyediakan Klinik Bergerak untuk kemudahan rawatan lanjut.

Pihak pengurusan dan Doktor Pakar menyantuni dua buah keluarga bagi menyampaikan sumbangan peralatan kesihatan.

OBJEKTIF :

- Bertujuan memberi kesedaran kepada penduduk mengenai kepentingan penjagaan kesihatan secara menyeluruh.
- Mendidik mereka mengamalkan gaya hidup sihat dengan melakukan aktiviti yang dapat menyumbang ke arah metabolisme yang stabil.
- Merapatkan silaturrahim dengan penduduk setempat melalui pelbagai aktiviti menarik secara percuma seperti saringan kesihatan oleh Pegawai Perubatan, pemeriksaan fisio oleh ahli fisioterapi dan pemeriksaan telinga oleh pegawai pemulihan pendengaran.
- Menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan anak-anak muda.



Sumbangan daripada Tabung Kebajikan Doktor-Doktor Pakar KPJ Pasir Gudang kepada dua buah keluarga.



Dr Pakar Ortopedik, Dr Shamsuddin sedang memeriksa keadaan pesakit di dalam Klinik Bergerak Waqaf An-Nur.

IMPAK / PENCAPAIAN

- 1,000 penduduk hadir bagi mendapatkan rawatan kesihatan secara percuma.
- RM1,500 disumbangkan oleh Doktor-Doktor Hospital Pakar KPJ Pasir Gudang kepada dua keluarga yang memerlukan berupa kerusi roda baring dan lampin dewasa.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



KALENDAR AKTIVITI

YAYASAN
JCorp

Memperkasa Kualiti Hidup
Improving Quality of Life

Ogos 2023



1 Ogos 2023

Sumbangan lima set komputeryang diperbaharui dari Johor Corporation menerusi Yayasan JCorp kepada Johor Skills Development Centre (Johor Skills). Sumbangan disampaikan oleh Puan Wan Su Ali, Pengurus Besar Yayasan JCorp kepada Encik Sallehuddin Mohd Nor, Pengurus Besar Johor Skills.



3 Ogos 2023

Majlis Penyampaian Hadiah sempena Perkampungan Bahasa Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan di Sekolah Seni Malaysia Johor / Malaysia Arts School of Johor, Pasir Gudang, Johor Bahru. Pada program itu peserta membuat pengucapan awam berkaitan program alam sekitar Yayasan JCorp, selain menaja 500 pek makanan KFC.



5 Ogos 2023

Johor Corporation dan Syarikat Kumpulan iaitu Kulim (Malaysia) Berhad; KPJ Healthcare Berhad; QSR Brands (M) Holdings Bhd; dan JLand Group Sdn Bhd menerusi Yayasan JCorp meneruskan sokongan kepada penganjuran Laksamana Fun Run 2023 dengan menaja RM70,000.00. Bersempena

acara larian amal ini KPJ Healthcare Berhad Wilayah Selatan turut menyertai pameran.



6 Ogos 2023

Yayasan JCorp bersama Unit Jaminan Kualiti, Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) mengadakan kunjungan ke Restoran KFC Seri Gelam DT, Johor Bahru bagi melihat pelaksanaan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Negeri Johor.



8 Ogos 2023

Seramai 16 peserta menyertai Bengkel Program Kerjasama Antara Yayasan JCorp & Jabatan Pendidikan Negeri Johor bertempat di Tingkat 23, Menara KOMTAR, JBCC. Fokus perbincangan adalah mengenai pasti program yang memberi impak khususnya kepada anak-anak di negeri Johor dalam bidang pendidikan modal insan keseluruhannya.



10 Ogos 2023

Seramai 43 guru tuisyen dari 15 Sekolah Menengah yang terpilih di negeri Johor menyertai Bengkel Pemurnian Modul MPEI bagi mata pelajaran Perakaunan, Ekonomi dan Perniagaan diadakan di Bahagian

Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor.



15 - 17 Ogos 2023

Bengkel Pembangunan Modul Bahasa Inggeris diadakan di Pusat Kegiatan Guru (PKG) Permas Jaya, Pasir Gudang dan disertai seramai 15 guru pakar Bahasa Inggeris di Johor yang memberi fokus kepada elemen bertutur; mendengar; menulis; dan membaca.



16 Ogos 2023

Yayasan JCorp mengadakan kunjungan ke Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ). Pada sesi perjumpaan itu kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan dan idea bagi memastikan aktiviti pendidikan yang dijayakan memberi impak terutama kepada pelajar, seterusnya mencapai KPI Pendidikan Johor.



26 Ogos 2023

Zapin Yok! @B5 anjuran Yayasan JCorp dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, (JKKN) Johor dan Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor (Pe-Zapin) di B5 Johor Street Market, Johor Bahru.

September 2023



3 September 2023

Kutip Sampah Sambil Beriadah (KUDAH) di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian anjuran Yayasan JCorp dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia. Program ini disertai lebih 100 sukarelawan terdiri daripada Sukarelawan Sahabat YJC; sukarelawan UTM; dan komuniti setempat.



18 September 2023

Module Handover Ceremony & Training of Trainers SPM Bridging B1 – Southern Stellar kerjasama antara Yayasan JCorp dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor diadakan di Jabatan Pendidikan Negeri Johor.



20 September 2023

Majlis Penyerahan Smartboard dan Smart TV diadakan di SMK Bandar Baru UDA, Johor Bahru.



24 September 2023

Yayasan JCorp berkolaborasi dengan Universiti Teknologi Malaysia dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri menganjurkan program bersama komuniti di Kampung Sungai Melayu dan Kampung Sungai Pendas, Johor Bahru.



25 & 26 September 2023

Yayasan JCorp Choral Speaking Challenge Johor State Level 2023 berlangsung di KOMTAR JBCC, Johor Bahru.

Oktober 2023



2 Oktober 2023

Majlis Menandatangani Nota Persefahaman Antara Jabatan Pendidikan Negeri Johor; Yayasan JCorp dan QSR Stores Sdn Bhd Bagi Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) berlangsung di Dewan Iskandar, Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru.



4 - 15 Oktober 2023

Yayasan JCorp dengan kerjasama Pusat Seni Universiti Pendidikan Sultan Idris menganjurkan International Art Exhibition – Vision Unveiled: The Interaction of Arts Through Conventional And Digital

Exhibition di KOMTAR JBCC, Johor Bahru.



10 Oktober 2023

Puan Wan Su Ali, Pengurus Besar Yayasan JCorp dan Encik Ismail Mohd Arsad, Pengarah Program Vision Unveiled ditemubual di program SPM, TV1 yang membicarakan International Art Exhibition – Vision Unveiled: The Interaction of Arts Through Conventional and Digital Exhibition di KOMTAR JBCC, Johor Bahru.




Yayasan JCorp menyumbang sebanyak RM20,000 untuk disumbangkan kepada anak-anak istimewa sempena Program Care for You anjuran Unit Psikologi, RTM.



11 Oktober 2023

Yayasan JCorp telah menyumbang RM100,000 kepada Persatuan Cerebral Palsy Johor sempena Majlis Makan Malam Gala Sambutan Cerebral Palsy Sedunia 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru.



13 - 15 Oktober 2023

Yayasan JCorp bersama JCorp dan Syarikat Kumpulan jayakan aktiviti rehabilitasi terumbu karang di Pulau Aur, Mersing.



21 Oktober 2023

Yayasan JCorp Retreat diadakan di Holiday Inn Johor Bahru City Centre, Johor Bahru.



27 Oktober 2023

Pinktober Run JB 2023 di Dataran Majlis Bandaraya Johor Bahru. Yayasan JCorp menyumbang RM50,000 untuk disalurkan kepada pejuang-pejuang kanser yang memerlukan.



30 Oktober 2023

Lunch Talk Pink October anjuran bersama Yayasan JCorp dan KPJ Southern Region Hospitals di Holiday Villa Johor Bahru City Centre, Johor Bahru.



31 Oktober 2023

Nextgen Innovators: Sustainable Solutions for a Greater Future di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru.

November 2023



6 & 7 November 2023

Baseline Study on STEM Education and Industry Needs in Johor diadakan di 5 buah sekolah Sustainable Schools dan Holiday Inn Johor Bahru City Centre, Johor Bahru.



7 November 2023

Perbincangan berfokus melibatkan agensi, Universiti Teknologi Malaysia dan Industri serta syarikat dalam Kumpulan JCorp seperti Farm Bite Sdn Bhd di Holiday Inn, Johor Bahru.



14 - 17 November 2023

Local Bites & Fruit Delights Fest@ APCW 2023 diadakan di Plaza Seni Carports, Jln Wong Ah Fook, Johor Bahru.



16 November 2023

Finale Nextgen Innovators: Sustainable Solutions for a Greater Future diadakan di KOMTAR JBCC dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru.



24 November 2023

Yayasan JCorp menyumbang sebanyak RM50,000 kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor pada Majlis Makan Malam Amal "Lights of Hope" TLJCF di Dewan Utama, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bandar Medini Iskandar, Iskandar Puteri Johor.

Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp telah menyerahkan mock cheque kepada YAM Tunku Tun Aminah Binti Sultan Ibrahim yang berkenan berangkat menyempurnakan majlis tersebut.



27 - 29 November 2023

Bengkel Peluasan Program SLDN Sekolah Menengah Hari di Amansari Hotel Nusajaya, Iskandar Puteri, Johor Bahru.

Disember 2023



4 Disember 2023

Majlis Jamuan Teh DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim Bersama Rakyat Daerah Muar; Tangkak Dan Segamat bertempat di Dataran Tanjung Emas, Muar.



7 Disember 2023

Sempena 17th KPJ Games 2023 yang berlangsung di Arena Larkin, Johor Bahru pada 6 hingga 10 Disember 2023, Yayasan JCorp telah membuka ruang pameran bagi mengajak anggota pekerja JCorp dan Syarikat Kumpulan untuk sama-sama menyumbang ke Yayasan JCorp.



23 Disember 2023

Pembinaan rumah hijau berteknologi IoT di SMK Bandar Baru Uda, Johor Bahru melalui program Sustainable School - STEM.



27 Disember 2023

Program Jalinan Kasih 'Santuni Warga Emas Nur Ehsan' anjuran bersama Johor Corporation, Yayasan JCorp dan PKP JCorp. Pada program ini Yayasan JCorp telah menyumbang sebanyak RM3,000.00 manakala sumbangan barang keperluan harian disumbangkan oleh Johor Corporation berjumlah RM5,000.00.

YAYASAN JCORP

Memperkasa Kualiti Hidup
Improving Quality of Life



Sila imbas kod QR ini

YAYASAN JOHOR CORPORATION

Level 18, Menara KOMTAR

JBCC, 8000 Johor Bahru

Johor Darul Takzim, Malaysia.

Tel: 607-219 2692

Emel: yayasanjohorcorporation@jcorp.com.my



[yayasanjohorcorporation](#)



[yayasanjcorp](#)

www.yayasanjcorp.com.my